

**PANDUAN OPSYEN SKIM
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA & PEMBERIAN TARAF PEKERJA
BERPENCEN**

1. Tujuan opsyen adalah untuk **memilih faedah persaraan sama ada Skim Pencen atau Skim KWSP**

2. Berdasarkan Seksyen 6A (1) Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239) memberi peluang kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 memilih Skim KWSP sebelum mereka disahkan dalam jawatan.

3. Subseksyen (3) di bawah seksyen yang sama menetapkan bahawa apabila opsyen yang dibuat oleh seseorang pegawai di bawah Subseksyen (1) itu berkuatkuasa, maka opsyen tersebut **adalah muktamad**. Ini bermakna pegawai tidak boleh meminda, menukar, membatalkan atau membuat opsyen yang baru kecuali mereka telah meletakkan jawatan dan dilantik semula secara tetap sama ada ke jawatan yang sama atau berlainan.

4. Pegawai yang dilantik secara tetap ke dalam perkhidmatan sektor awam dalam keadaan berikut layak diberi opsyen untuk memilih Skim KWSP:-

- (i) Pegawai yang dilantik kali pertama;
- (ii) Pegawai yang dilantik kali kedua dan seterusnya setelah meletakkan jawatan daripada perkhidmatan sebelumnya. Ini termasuklah mereka yang telah diberi pelepasan dengan izin; dan
- (iii) Pegawai yang belum pernah membuat opsyen mengikut Peruntukan Seksyen 6A(1) Akta 227 atau Akta 239 dalam perkhidmatan sebelumnya.

5. Jika pegawai memilih Skim KWSP sedangkan mereka telah diberi taraf berpencen dalam perkhidmatan yang terdahulu, maka taraf berpencen mereka akan mansuh. Sebaliknya, jika mereka menolak Skim KWSP, maka taraf berpencen mereka akan kekal dan tempoh perkhidmatan lama boleh dicantumkan dengan perkhidmatan yang baru untuk tujuan faedah pencen. Dalam keadaan ini pegawai tidak perlu diberi taraf berpencen sekali lagi.

6. Pemberian taraf berpencen bagi pekerja pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bahagian pencen di bawah peruntukan Seksyen 6 Akta 239.

7. Syarat-syarat untuk memilih pemberian taraf pekerja berpencen.

- (i) Berstatus tetap
- (ii) Telah disahkan dalam jawatan
- (iii) Tempoh perkhidmatan tidak kurang dari 3 tahun
- (iv) Memilih opsyen Skim Pencen

8. Borang dan dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:-

- (i) Borang Opsyen (Memilih skim pencen)
- (ii) Borang JPA.BP.SPPP.B06-Perakuan Pemberian Taraf Berpencen
- (iii) Sesalinan kad pengenalan

Cara mengisi borang opsyen KWSP / Pencen

1. Borang boleh didapati di **E-Community Application>File Bank>HR>Unit Perkhidmatan>Opsyen KWSP / Pencen**. ATAU di laman web <http://www.ump.edu.my/pekeliling/pendaftar.htm> di bahagian lain-lain
2. Jika Tuan / Puan memilih KWSP, Potong perkataan 'Tidak Bersetuju' dan Perenggan 2
3. Jika Tuan / Puan memilih Pencen, Potong perkataan 'Setuju'
4. Mohon Ketua Jabatan/Ketua Unit/Dekan/Timbangan Dekan /Ketua Program untuk Menandatangani pada ruangan 'Disaksikan Oleh'
5. Menyerah borang tersebut kepada Jabatan Pendaftar (Unit Perkhidmatan)
 - a) Encik Wallid Wahidi Bin Hamzah (Staf Bukan Akademik)
 - b) Puan Erma Yanti Binti Zakaria (Staf Akademik)

TAWARAN OPSYEN UNTUK MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN 6A(1) PINDAAN AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 (AKTA 239)

Saya Wallid Wahidi Bin Hamzah yang telah dilantik ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir (N27) dalam perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan pada 29 Februari 2006 dengan ini bersetuju / ~~tidak bersetuju*~~ memilih Skim KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA.

2. Saya sesungguhnya faham bahawa oleh kerana saya telah tidak memilih Skim KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, maka saya dengan sendirinya tertakluk di bawah Skim Pencen mengikut Akta 239 1 [1].

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Tandatangan)

Tarikh:.....

Disaksikan oleh :
(Tandatangan)

Nama :

No.Kad Pengenalan (baru) :

Jawatan :

Tarikh :

-
- *Potong mana yang tidak berkenaan

- 1[1] Perenggan ini hendaklah dipotong keseluruhannya jika pegawai bersetuju memilih Skim KWSP